

**Yang di-Pertuan Agong Dipersembahkan 15 Kek Sempena Aidilfitri
Bernama
5 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berkenan menerima persembahan kek sempena sambutan Aidilfitri daripada 15 hotel terkemuka di Dewan Santapan, Istana Negara.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Pelbagai jenis kek dengan rasa berbeza dan rupa bentuk dipersembahkan kepada Tuanku Abdul Halim.

Antara kek yang menarik perhatian Seri Paduka ialah kek buah seberat 100kg bertemakan Kedamaian Aidilfitri daripada Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang menggunakan Masjid Zahir, Alor Setar sebagai replika 'topping' kek.

Asas kek itu turut dihiasi dengan gemerlapan lampu diod pemancar cahaya atau LED selain mampu mengeluarkan takbir hari raya.

Persembahan kek adalah acara tahunan setiap sambutan Aidilfitri.

Hotel lain yang turut mempersembahkan kek ialah Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Golden Palm Tree Iconic Resort & Spa, Berjaya Times Square Hotels & Resorts, Hotel Shangri-La dan Palace of The Golden Horses.

Hotel Holiday Villa, Hotel Mandarin Oriental, Hotel Seri Pacific, Hotel Federal International, YTL Hotels, Starwood Group, Hotel Grand Dorsett Subang, Sunway Resort Hotel & Spa serta Hilton Kuala Lumpur.

Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah mengambil masa kira-kira setengah jam untuk melihat sendiri kesemua kek yang dipersembahkan wakil hotel-hotel itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968355>